

16/07/1999

PM hormai kegiatan sastra negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan isteri secara mengejut pada Malam Puisi Usman Awang malam tadi membuktikan keprihatinannya pada kegiatan sastra.

Perdana Menteri yang sebelum ini pernah ikut mendeklamasi puisi hadir bersama dengan sasterawan dan peminat Dr Usman pada majlis cukup meriah. Beliau menyampaikan Anugerah Seniman Agung kepada Sasterawan Negara, Datuk Dr Usman Awang.

Kehadiran Perdana Menteri disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 800 hadirin di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sesetengahnya terpaksa berdiri untuk menyaksikan acara.

Malam Puisi Usman Awang dipenuhi dengan deklamasi puisi dan persembahan sedutan drama karya penulis itu. Ia dijayakan penyair, artis, ahli politik, peminat dan sahabatnya.

Sesuai dengan majlis itu turut diterbitkan antologi cerpen/puisi bertajuk Ini Saya Punya Kerja berdasarkan sebuah cerpen Dr Usman yang disiarkan Berita Harian pada 11 Oktober 1962. Dr Usman dipercayai menggunakan nama pena Ahmad Nordin.

Dr Othman Puteh yang bertindak sebagai penyelenggara antologi itu berkata, karya Usman yang sesetengahnya ditulis sebelum negara mencapai kemerdekaan begitu kuat, dengan pengucapan bahasanya yang indah dan puitis.

Katanya, subjek yang dipilih cukup relevan dengan situasi zamannya membuatkan nama sasterawan itu terus dikenang dan disanjung.

Karya Dr Usman dalam multi genre banyak diterbitkan terutama selepas beliau dinobatkan Sasterawan Negara pada 1983. Novelnya Tulang-tulang Berserakan, kumpulan genre puisinya seperti Gelombang, Duri dan Api dan Puisi-puisi Pilihan Usman Awang pernah dijadikan kajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Malam puisi itu dimulai persembahan gurindam Rohani B dan diikuti deklamasi puisi oleh pemenang Anugerah Pengacara Jemputan Nona 1998, Tengku Khalidah Bidin. Mahadzir Lokman menyampaikan lagu puisi Kekasih dalam dwibahasa manakala Mohd Noor Sulaiman dengan Bunga Popi.

(END)